

BAB 4

IMPLIKASI KEPADA FALSAFAH DAN SISTEM PENDIDIKAN

NEGARA

Dalam bab ini akan dibincangkan apakah implikasi dan perubahan terhadap falsafah dan sistem pendidikan negara jika islamisasi ilmu dijadikan asas utama kepada perancangan dan perlaksanaan pendidikan negara. Antara aspek yang akan dilihat ialah matlamat pendidikan, kandungan pendidikan, kaedah pengajaran dan pembelajaran dan peranan guru. Persoalan cabaran pelaksanaan islamisasi ilmu di negara ini juga akan dibincangkan di bahagian akhir bab.

Dalam bab 2 telah dinyatakan yang islamisasi didefinisikan oleh Syed Muhammad Naquib al-Attas (1978) sebagai pembebasan manusia, pertama daripada tradisi tahuyl, mitos, animis, diikuti oleh pembebasan akal dan bahasa dari sekularisme. Bagi beliau islamisasi ialah proses dua hala; pembebasan diri (*liberation*) dan pengembalian diri (*devolution*) kepada fitrah.

Jika diamati dengan teliti ternyata bahawa islamisasi ini adalah merupakan satu kesatuan proses dan matlamat. Proses kerana islamisasi merangkumi usaha pembebasan dan pengembalian manusia kepada matlamat akhir iaitu fitrah. Walau bagaimanapun proses ini juga boleh dikatakan satu matlamat kerana hanya dengan proses itulah baru tercapainya matlamat.

Ketika membincangkan perkara-perkara yang mempengaruhi ilmu, Wan Mohd. Nor Wan Daud (1998), mengenal pasti pengaruh agama, budaya, asas falsafah dan pengalaman mereka yang menemui dan mengembangkan sesuatu

ilmu sebagai faktor-faktor utama. Oleh sebab pendidikan adalah salah satu ilmu yang dicari dan dikembangkan oleh manusia, maka perkara yang sama akan mempengaruhi ilmu pendidikan.

Berbanding dengan Barat, umat Islam masih lagi menderita ketinggalan dalam penguasaan ilmu fardhu kifayah, walaupun agama Islam mewajibkan penganutnya menuntut ilmu. Perkara ini menyebabkan kebanyakan ilmu fardhu kifayah yang ada pada masa ini datangnya dari Barat ataupun dipengaruhi oleh Barat (Mohd Kamal Hassan, 1996) dan yang terbaru datangnya dari Jepun (Faisal Osman, 1989). Dengan itu setiap usaha islamisasi ilmu pendidikan tidak dapat tidak mestilah berusaha membuat pengenalpastian, penyaringan dan pembebasan dari pengaruh Barat khususnya dan pengaruh tamadun lain yang tidak bersesuaian dengan asas ilmu Islam.

Implikasi pertama islamisasi ilmu terhadap pendidikan negara ialah mesti terdapatnya satu falsafah pendidikan negara yang tersurat. Pendapat ini disokong oleh beberapa orang penulis seperti Mohd Nur Manutu (1989) dan Zawawi Hj. Ahmad (1996). Walaupun demikian terdapat juga pendapat yang sebaliknya. Bagi golongan kedua ini seperti Sufean Hussin (1993), tanpa kenyataan falsafah yang tersurat bukan bermakna negara tidak mempunyai falsafah pendidikan. Falsafah pendidikan adalah terkandung dalam keseluruhan aktiviti pendidikan negara. Sehubungan dengan itu bukanlah sesuatu yang terlalu signifikan andai kenyataan falsafah itu dinyatakan secara tersurat.

Namun Wan Mohd. Nor Wan Daud (1991b) berkata, golongan yang berpendirian seperti ini sebenarnya bersikap tidak berterus terang. Mereka sedar

bahawa walaupun tidak tertulis secara rasmi, matlamat dan perlaksanaan sistem pendidikan negara selama ini adalah melambangkan sesuatu falsafah yang tersendiri. Oleh sebab falsafah pendidikan negara tidak tertulis secara rasmi maka adalah sukar untuk sesiapapun mengkritik atau membincangkannya. Keadaan ini bukanlah sesuatu yang baik untuk perkembangan pendidikan negara, kerana ketika setiap warga berfikir bahawa pendidikan adalah sangat penting kepada negara tetapi asas kepada pendidikan itu tidak jelas, tidak tersurat dan tidak boleh dilihat dengan nyata. Seandainya terdapat kelemahan dan kekurangan yang terdapat dalam falsafah pendidikan negara ianya tidak dapat diperbaiki dan dipertanggungjawabkan. Hakikatnya kenyataan falsafah pendidikan negara yang dinyatakan secara tersurat pada tahun 1987 adalah sangat penting dan sangat bermakna kepada pendidikan di negara ini.

Golongan yang tidak melihat pentingnya satu kenyataan falsafah tersurat ini menurut Wan Mohd. Nor Wan Daud (1991b), sering kali berhujah bahawa melalui sistem pendidikan negara sebegitu itu pun telah melahirkan ramai tokoh-tokoh untuk pelbagai bidang termasuklah bidang agama. Dengan itu apakah kurangnya dengan tanpa pernyataan falsafah pendidikan yang tersurat? Pendapat ini terlalu dangkal untuk diterima kerana menurut Wan Mohd. Nor Wan Daud (1991b) lagi, persoalan ini boleh dilihat dari dua sudut iaitu; pertama, adalah tidak diketahui sama ada tokoh-tokoh yang ramai itu sebenarnya hasil langsung dari sistem yang tidak jelas falsafahnya. Fakta bahawa sesuatu perkara yang berlaku di dalam sistem, belum menunjukkan dengan pasti bahawa ia adalah hasil impian sistem itu. Dalam banyak kes, hasil baik yang terjadi dan keluar daripada sistem

yang begitu buruk, bukanlah kerana matlamat sebenar sistem itu, tetapi kerana mereka menyedari akan keburukan dan kelemahan sistem tersebut lalu terdapatlah usaha memperbaiki sistem yang tidak begitu baik tersebut. Kesedaran yang tinggi ini akhirnya akan membawa kepada penolakan sistem itu sendiri. Kedua, seandainya diterima bahawa satu sistem pendidikan yang tidak mempunyai kenyataan falsafah yang jelas boleh mencapai beberapa tahap kejayaan yang besar, sudah tentulah sistem itu boleh mencapai tahap kejayaan yang jauh lebih baik dan tinggi dengan sebuah falsafah yang jelas dan benar (Wan Mohd. Nor Wan Daud, 1991b).

Makna Pendidikan

Implikasi seterusnya islamisasi ilmu ialah terhadap makna pendidikan. Walaupun perkataan “pendidikan” cukup dikenali oleh segenap lapisan masyarakat tetapi makna sebenarnya belum tentu difahami dengan jelas. Sering kali pendidikan difahami dalam konteks yang tidak betul sehingga kelihatan seolah-olah semua perkara yang ada kaitan dengan sekolah, belajar, latihan dan sebagainya adalah pendidikan. Kebiasaan yang dilakukan termasuklah menyamakan pendidikan dengan latihan, sosialisasi, persekolahan dan pembentukan minda (Straughan & Wilson, 1983), serta juga indoktrinasi (Abdul Rahman Aroff & Zakaria Kasa, 1995). Keadaan ini menjadikan makna pendidikan itu semakin kabur, tidak jelas dan lebih teruk lagi semakin sukar difahami. Bukan itu saja, semua ini telah turut menyumbang kepada keadaan di

mana nilai pendidikan setaraf dengan frasa lain yang berkaitan seperti terlatih, terpelajar, cekap dan lain-lain lagi/

Sedangkan maksud pendidikan adalah sangat berbeza. Barrow dan Woods (1988), melihat seseorang yang pintar dan berkemahiran tinggi dalam satu-satu bidang tidaklah secara automatiknya seorang yang berpendidikan. (Tidaklah dinamakan berpendidikan jika seseorang yang memiliki ijazah berjela-jela andai mempunyai keperibadian rendah.) Sebab itulah apabila dikatakan manusia yang berpendidikan, maka ia menggambarkan kedudukan tinggi ataupun penghormatan yang amat besar maknanya terhadap mana-mana individu (Barrow & Woods, 1988). Jelasnya frasa “pendidikan” adalah satu frasa yang penuh dengan nilai.

Dalam Bahasa Inggeris *education* boleh diterjemahkan kepada maksud pendidikan. Sedangkan menurut Mohd Yusuf Ahmad (1999) pula, dalam Bahasa Arab terdapat beberapa istilah yang digunakan dan membawa maksud pendidikan, iaitu *ta'lim*, *tarbiyah* dan *ta'adib*, yang masing-masing bererti pembelajaran, pendidikan dan pembentukan budi pekerti. Kesemua perkataan ini boleh digunakan dan menggambarkan konsep pendidikan dalam Islam yang merangkumi ketiga-tiga dimensi penting dalam kehidupan manusia iaitu, pembentukan jasmani, pembentukan intelektual dan pembentukan rohani (Faisal Osman, 1989).

Daripada tiga perkataan Bahasa Arab itu, Mohd Yusuf Ahmad (1999) berpendapat perkataan *tarbiyah* agak lebih luas maksudnya dan diterima pakai oleh negara ini dan kebanyakan negara Islam. Namun Syed Muhammad Naquib al-Attas (1980), tidak bersetuju perkataan pendidikan atau *education*

diterjemahkan sebagai *tarbiyah* kerana *tarbiyah* itu maksudnya sangat umum termasuk menjaga budak, pokok, binatang dan sebagainya. Pada pendapat beliau perkataan *ta'adib* lebih tepat bagi menerangkan konsep pendidikan, kerana *ta'adib* ada hubungan yang jelas dan rapat dengan pengetahuan dan adab. Perkataan *ta'adib* itu sendiri bermaksud mengajar adab atau akhlak/ (Syed Muhammad Naquib al-Attas, 1980).

Perbincangan di atas memperlihatkan kepada kita bahawa istilah pendidikan sama ada dipandang dari perspektif Barat (Barrow & Woods, 1988), mahupun dari perspektif Islam (Syed Mohammad Naquib Al-Attas, 1980, Faisal Osman, 1989 dan Mohd Yusuf Ahmad, 1999) menyetujui bahawa frasa pendidikan adalah penuh dengan nilai yang baik. Pendidikan dihubungkan dengan kebaikan dan sesiapa yang terdidik adalah seorang yang baik dan dihormati.

Dari segi proses pendidikan Syed Muhammad Naquib al-Attas (1992), mendefinisikan pendidikan sebagai satu proses penitisan adab ke dalam diri insan, kerana adablah menurut beliau yang merangkumi kehidupan rohaniah dan kebendaan seseorang, yang menanamkan kualiti kebaikan dalam diri manusia.. Definisi ini menurut Mohd Yusuf Ahmad (1999), menunjukkan proses pendidikan adalah lebih bercorak pendidikan dalaman (hati) dan bukan pendidikan luaran semata-mata. Melatih seseorang agar cekap dan berkemahiran dalam satu-satu bidang sedangkan aspek hatinya atau aspek dalaman diabaikan bukanlah pendidikan.

Definisi ini bertepatan dengan keadaan diri manusia itu iaitu yang dikatakan sebagai “haiwan rasional”. Menurut Syed Muhammad Naquib al-Attas

(1990b) lagi, hanya rasional inilah yang membezakan manusia dari haiwan yang lain. Kemampuan berfikir secara rasional ini pula hanyalah merujuk kepada akal (aspek roh) manusia dan bukan aspek fizikalnya. Telah dibincangkan sebelum ini bahawa manusia adalah terdiri daripada kesatuan roh dan jasad (Syed Muhammad Naquib al-Attas, 1990c). Oleh itu apabila roh telah terdidik maka manusia itu akan menjadi seorang yang mengenali dan mengiktiraf Penciptanya. Pengiktirafan ini dimanifestasikan dalam pengabdian dan ketaatan kepada suruhanNya. Dengan lain perkataan, pendidikan menurut perspektif Islam akan melahirkan insan yang baik atau insan yang sempurna (insan al-salih; insan al-kamil), yang membolehkannya menjadi hamba dan khalifah Allah di muka bumi ini, iaitu insan yang mencakupi kualiti-kualiti kemanusiaan yang sebenar (Abdul Halim El-Muhammady, 1991). Menurut Syed Muhammad Naquib al-Attas (1992b) lagi, inilah yang membezakan Islam dari agama lain, iaitu “the submission according to Islam is sincere and total submission to God’s Will” (hlm. 13).

Matlamat Pendidikan

Antara banyak perkara yang menjadi kandungan perbincangan pendidikan, persoalan matlamat adalah yang paling menarik perhatian dan sering diperdebatkan. Boleh dikatakan hampir tidak ada buku falsafah pendidikan yang tidak membincangkan matlamat pendidikan. Perkara ini adalah kerana matlamat pendidikan menentukan hala tuju dan jenis pendidikan yang akan dilaksanakan. Matlamat pendidikan juga menggambarkan kehendak masyarakat dan sekaligus menjadi cerminan kepada diri masyarakat itu sendiri.

Oleh sebab itu bagi merencanakan matlamat pendidikan yang betul dan mantap, amatlah perlu bagi ahli pendidikan mengetahui sifat insan, sifat ilmu dan kemudian barulah menentukan kaedah pendidikan yang sesuai dengan sifat insan dan ilmu itu. Pertimbangan ini umumnya menjadi agenda kebanyakan ahli falsafah. Ahli falsafah dalam beberapa aliran falsafah pendidikan seperti esensialisme, perenialisme dan progresivisme mempunyai matlamat pendidikan yang berbeza mengikut pandangan mereka terhadap manusia. Menurut Abdul Rahman Aroff dan Zakaria Kasa (1992), esensialisme menetapkan matlamat pendidikan sebagai pengekalan tradisi dan tamadun sesuatu masyarakat dan penggalakkan perkembangan intelektual murid. Perenialisme pula bermatlamat untuk mencari dan menyebarkan kebenaran, sedangkan progresivisme mempunyai matlamat supaya murid berupaya menyelesaikan masalah dalam realiti kehidupan yang sentiasa berubah.

Secara keseluruhannya banyak pihak yang bersetuju bahawa pendidikan mempunyai sekurang-kurangnya matlamat memperkembangkan potensi individu murid dan untuk menyalurkan budaya, nilai dan warisan sesuatu masyarakat itu. Pendapat ini dipersetujui antaranya oleh Kamarudin Kachar (1988) dan Rosnani Hashim (1999). Selain dari itu pendidikan juga dikatakan bertujuan untuk menjadikan sesuatu masyarakat itu maju dan tidak ketinggalan zaman. Jelaslah bahawa pendidikan mempunyai dua matlamat berbeza, iaitu matlamat untuk individu dan matlamat untuk masyarakat.

Oleh sebab individu hidup dalam masyarakat, maka adalah menjadi kebiasaan bagi setiap negara menetapkan matlamat akhir pendidikan adalah untuk

melahirkan warganegara yang baik dan taat setia kepada negara. Di Malaysia sendiri, pernyataan Falsafah Pendidikan Kebangsaan menyebutkan matlamat pendidikan adalah untuk melahirkan warganegara Malaysia yang baik yang antara lain memiliki ciri memberi sumbangsih terhadap keharmonian dan kemakmuran keluarga, masyarakat dan negara. Malah, sebelum ini pun Dasar Pendidikan Kebangsaan seperti yang terdapat dalam Laporan Razak 1956, Laporan Rahman Talib 1960 dan Akta Pelajaran 1961 juga bermatlamat menghasilkan warganegara yang baik (Abdullah Sani Yahaya & P. Kumar, 1990; Shahril @Charil Marzuki, Zainun Ishak, Lee Pau Ping & Seadah Siraj, 1994).

Matlamat untuk melahirkan warganegara yang baik ini umumnya dianggap wajar dan perlu didokong oleh mana-mana sistem pendidikan di dunia ini. Hal ini kerana warganegara yang baik merupakan aset berharga untuk negara. Warganegara yang baiklah yang akan sanggup berkorban untuk negara dan mengangkat martabat negara. Namun matlamat sebegini ternyata mempunyai masalahnya yang tersendiri.

Umum menyedari bahawa kebaikan seorang warganegara akan bergantung kepada nilai dan gagasan yang berpengaruh di negara itu, yang termaktub dalam perlumbagaan, undang-undang dan peraturan kemasyarakatannya dan bukannya kepada asas yang lebih kekal dan kukuh (Wan Mohd. Nor Wan Daud, 1997). Nilai dan gagasan itu pula akan berubah mengikut kehendak kepentingan individu atau kumpulan yang berpengaruh. Maka dengan itu seorang warganegara yang baik pada sesuatu negara tidak semestinya seorang warganegara yang baik di sebuah negara yang lain. Sebagai contoh adalah tidak

menjadi kesalahan bersekedudukan sebelum berkahwin di Amerika Syarikat tetapi tidak di Malaysia. Demikian juga, adalah menjadi sangat patriotik kepada seseorang rakyat negara tertentu jika dia berupaya mencuri maklumat yang sangat penting dari negara lain seperti rahsia ketenteraan yang digunakan untuk menghancurkan negara lain yang tidak sealiran. Adakah kita sanggup menerima hakikat ini, iaitu pendidikan dengan matlamat melahirkan warga yang sanggup menghancurkan negara lain tetapi memberikan keuntungan kepada negaranya sendiri? Adakah dengan keadaan tersebut akan terhasilnya dunia yang aman, makmur dan selamat untuk setiap manusia? Hal ini seharusnya sudah cukup untuk ahli pendidikan berfikir bahawa tidaklah memadai untuk meletakkan matlamat pendidikan sekadar untuk melahirkan warganegara yang baik.

Wan Mohd. Nor Wan Daud (1997), dalam membincangkan matlamat pendidikan negara Barat sekular turut menyatakan matlamat melahirkan warganegara yang baik inilah yang menjadi amalan sistem pendidikan mereka buat sekian lama. Walau bagaimanapun, dalam konteks negara Malaysia sejak pengisytiharan falsafah pendidikan negara pada tahun 1987, matlamat pendidikan bukanlah sekadar melahirkan warganegara yang baik tetapi juga warganegara yang menurut dan berpaksikan kepada Tuhan (Wan Mohd. Nor Wan Daud, 1997; Rosnani Hashim 1998; Zawawi Hj. Ahmad, 1996).

Sebab itulah pandangan Syed Muhammad Naquib al-Attas (1992) yang melihat matlamat utama pendidikan dari pandangan dan amalan Islam, iaitu untuk melahirkan insan yang baik adalah sangat tepat dan menyeluruh kerana seorang insan juga adalah seorang warganegara. Manakala insan yang baik pastilah

bertindak dengan baik terhadap insan yang lain walaupun berbeza kewarganegaraannya. Amalan ini sebenarnya lebih menggambarkan seorang manusia yang universal. Dalam pada itu, insan yang baik juga sudah pasti akan melakukan tanggungjawabnya terhadap negara (sebagai seorang warganegara) tetapi seorang warganegara yang baik tidak semestinya insan yang baik. Apa yang lebih penting menurut Wan Mohd. Nor Wan Daud (1997), penekanan kepada kebaikan insan ini juga dikongsi bersama oleh agama Kristian dan Hindu dan oleh para tokoh besar seperti Buddha, Kung Fu Tzu, dan Plato.

Kandungan Pendidikan

Perkara seterusnya yang penting dalam islamisasi ilmu ialah soal kandungan pendidikan. Kandungan pendidikan adalah merujuk kepada ilmu yang akan disampaikan kepada murid dan dipelajari oleh mereka. Oleh sebab hal ini sangat berkaitan dengan ilmu, maka sifat ilmu akan dibincangkan seterusnya.

Dalam pandangan alam Islam, wujud satu struktur ilmu yang berhierarki, iaitu Islam tidak menyamakan taraf semua ilmu. Menurut Hamid Fahmy Zarkasyi (1990), al-Ghazali telah mengkelaskan ilmu kepada dua kategori, iaitu ilmu fardhu ain dan ilmu fardhu kifayah. Kategori ini selaras dengan kaedah pemerolehannya dan peranannya yang berbeza. Dari segi kaedah pemerolehan kedua-dua ilmu ini, menurut Mohd Kamal Hassan (1988), ilmu fardu ain umumnya hanya boleh diketahui melalui sumber wahyu iaitu firman Tuhan yang terdapat dalam al-Quran dan hadis Rasulullah s.a.w. dan ilmu inilah yang dikenali sebagai ilmu naqli (*revealed knowledge*). Sedangkan ilmu fardu kifayah pula

diperoleh melalui usaha manusia mempelajari dan meneroka alam yang termasuk penghuninya, dan ilmu ini pula dikenali sebagai ilmu aqli (*acquired knowledge*). Dari sudut peranan ilmu-ilmu ini dalam kehidupan individu muslim, ilmu fardhu ain adalah wajib dipelajari oleh setiap individu muslim, iaitu yang berkaitan rukun Islam, rukun iman dan syariah manakala ilmu fardhu kifayah pula wajib dipelajari oleh segolongan anggota yang mencukupi dalam sesebuah masyarakat. Ilmu fardhu kifayah begitu luas dan meliputi banyak bidang tetapi diperlukan bagi kelangsungan umat. Melalui hierarki ini, Islam memastikan setiap individu muslim mempunyai teras dalam penguasaan ilmunya. Maka dalam konteks ini teras ilmu adalah aqidah, iaitu yang dipelajari daripada ilmu fardhu ain.

Masalah utama yang dihadapi oleh kebanyakan institusi pendidikan Islam menurut Rosnani Hashim (1998) adalah pada hakikatnya tidak wujud hubungan antara insan, ilmu dan kurikulum. Kebanyakan institusi di negara Islam meminjam keseluruhan atau sebahagian daripada kurikulumnya dari Barat yang umumnya mendokong falsafah sekular. Dalam kebanyakan kes, model yang ditiru bercorak sekular, tidak mempunyai pusat atau teras, dan tidak juga mencerminkan ilmu atau insan. Oleh sebab itulah universiti tempatan menjadi sama seperti model yang ditirunya, iaitu seperti sebuah “kilang” yang mencetak ijazah secara massa (Zaini Ujang, 1993). Menurut Zaini Ujang (1993) lagi, kadang-kadang universiti kelihatan sebagai “kafeteria ilmu” tanpa hierarki nilai yang meletakkan ilmu-ilmu tertentu sebagai lebih tinggi daripada ilmu yang lain. Dalam sebuah kafeteria, makanan diletakkan sama rata. Ikan kering diletakkan sama rata dengan ayam

golek, cuma harganya lain-lain. Kesemua ini meninggalkan kesan yang bukan sedikit terutamanya kepada mahasiswa. Antara lain, akan menyebabkan manusia yang dilahirkan tidak mempunyai asas aqidah yang kuat dan kehilangan diri dalam mencari makna tentang peranan seorang insan sebagai hamba dan khalifah di muka bumi ini. Di samping, itu akan lahirlah teknokrat, profesional, pemimpin politik, peguam, sasterawan dan oportunist yang memiliki kemahiran tetapi belum tentu mempunyai akhlak atau adab yang tinggi (Zaini Ujang, 1993).

Kandungan pendidikan Islam sepatutnya mengikut konsep asas ilmu dan matlamat pendidikan Islam. Kurikulum pendidikan seharusnya melibatkan kedua-dua pengetahuan naqli dan akli dengan pengetahuan naqli menjadi teras pendidikan (Rosnani Hashim, 1996). Antara mata pelajaran yang dicadangkan oleh Rosnani Hashim (1996) dalam kurikulum teras ialah ilmu akhlak dan kerohanian, sejarah dan kaedah berfikir. Bahasa Arab juga diperlukan sebagai alat pemahaman terhadap makna dan huraian al-Quran, rukun iman dan Islam (Faisal Osman, 1989; Wan Mohd. Nor Wan Daud, 1989; Rosnani Hashim, 1996).

Pendidikan sains pula termasuk menjadi keutamaan pada masa ini demi untuk kelangsungan kehidupan umat (Ziauddin Sardar, 1981). Sebenarnya Islam menerima semua ilmu tidak kira dari mana sumbernya asalkan saja ia masih berada dalam tasawwur Islam. Menurut Wan Mohd. Nor Wan Daud (1989), sesetengah andaian seperti umat Islam hanya diseru untuk mempelajari sains Islam dan menolak sains Barat kerana kononnya sains Barat itu sesat dan merosakkan dapatlah dikatakan sebagai tindakan membunuh diri kerana kekuatan sains Barat terlalu gagah berbanding sains Islam yang terlalu lama berada dalam

kegelapan. Perlulah disedari bahawa Islam bukan saja mengiktiraf ilmu yang ditemui oleh akal manusia melalui sains dan sejarah serta pengalaman batin tetapi mengakuinya sebagai tanda-tanda Allah yang boleh membantu manusia. Pentingnya pengetahuan dan pengalaman manusia hanyalah dari segi memperkuatkan ketetapan wahyu, bukan untuk memperkecilkan atau menafikan kebenaran yang dibawa oleh wahyu Allah s.w.t. (Mohd Kamal Hassan, 1988).

Kaedah Pengajaran Dan Pembelajaran

Kaedah pendidikan juga adalah satu aspek yang penting kerana kaedah menentukan sama ada sesuatu pendidikan itu berjaya ataupun tidak. Walaupun demikian, dalam banyak penulisan yang membincangkan kaedah pendidikan perbincangannya banyak disempitkan kepada kaedah ataupun strategi pengajaran yang berkesan. Perkara ini tidak dapat dielakkan kerana terdapat hubungan yang sangat rapat antara kaedah dan pengajaran.

Bahagian ini tidak akan membincangkan strategi pengajaran yang berkesan menurut perspektif Islam. Sebaliknya, soal konsep dan asas-asas pertimbangan dalam memilih dan menentukan kaedah-kaedah yang dibenar dan digalakkan dalam pendidikan Islam menjadi kunci utama perbincangan. Menurut perspektif Islam apa saja strategi pengajaran adalah dibenarkan asalkan saja ianya tidak melanggar syariat Islam. Tegasnya, selain matlamat yang benar, aspek kaedah yang baik, benar dan tidak zalim juga diambil kira dalam menjalankan sesuatu pendidikan.

Sebagai contoh, kaedah indoktrinasi yang ditentang oleh ramai pendidik Barat (Snook, 1972; Schofield, 1972; McClellan, 1976) juga ditentang dan tidak dibenarkan dalam pendidikan Islam kerana kaedah indoktrinasi adalah kaedah yang berat sebelah dan tidak memberikan keadilan kepada murid dalam melihat sesuatu isu. Kesannya murid juga akan menjadi percaya membuta tuli dan hilang sifat rasionalnya.

Rosnani Hashim (1998) memberikan panduan bahawa perkara yang berikut harus menjadi pertimbangan dalam merencanakan kaedah pendidikan Islam yang sebenar. Perkara-perkara itu adalah: pertama, pendidikan haruslah menyediakan pengalaman pembelajaran yang sesuai bagi perkembangan akhlak dan rohani. Kedua, kaedah berkesan bagi kedua-dua ilmu aqliah dan naqliah hendaklah diteroka dan diamalkan. Ketiga, mengambil kira keperluan murid yang berbeza kerana berlainan jantina dan peranan. Selain daripada prinsip-prinsip yang disebutkan di atas, Ahmad Shalaby (1976) menyatakan bahawa dalam sejarah pendidikan, umat Islam memang telah lama mengamalkan kaedah bahawa murid yang cerdas wajar belajar dengan kelompok yang sama dan sentiasa dimantau kemajuannya supaya sesuai dengan keupayaan mereka masing-masing. Menurut kaedah ini, murid-murid dipilih dan diasingkan menurut kemampuan intelek yang sama kemudian diberi peluang belajar dalam kelas yang sama. Pendekatan ini akan menjamin perkembangan intelek setiap murid supaya berkembang pada tahap yang sewajarnya. Beliau juga menggalakkan murid belajar secara berkumpulan kerana ini didapati menambahkan kefahaman dan menggalakkan perkembangan minda yang sihat.

Sesuai dengan perkembangan semasa dan dunia masa depan, maka kaedah pendidikan Islam seharusnya juga tidak ketinggalan daripada menyediakan prasarana berasaskan keperluan masa depan. Dalam hubungan ini, Abd. Ghani Shamsudin dan Norhashimi Saad (1999), menyatakan bahawa kaedah pendidikan hendaklah memanfaatkan kelebihan-kelebihan media elektronik di samping menekankan pemahaman konsep, iaitu bukan sekadar pengetahuan fakta dan proses mengeluarkannya semula tanpa mempelajari cara untuk menilai secara kritis. Wan Mohd. Nor Wan Daud (1991a) pula mengatakan, dari segi pemerolehan ilmu, seseorang dibenarkan menuntut ilmu apa saja dan membuat pengkhususan tetapi haruslah terlebih dahulu mempunyai dasar yang kukuh dalam bidang ilmu asas, iaitu fardu ain.

Peranan Guru

Bagi mengelakkan kekeliruan dan perbahasan yang panjang lebar tentang siapa itu “guru”, adalah wajar dijelaskan bahawa yang dimaksudkan dengan guru dalam perbincangan ini ialah mereka yang terlibat secara lansung menjadi pengajar ataupun pentadbir di sekolah, sama ada sekolah kerajaan ataupun sekolah persendirian. Seperti yang telah dinyatakan sebelum ini, pendidikan melibatkan proses penyampaian ilmu kepada murid. Murid sebagai penerima dan orang yang bertanggungjawab melaksanakan fungsi “penyampai” adalah guru. Kejayaan guru dalam melaksanakan fungsi ini selalunya menjadi ukuran keupayaan guru tersebut secara peribadi dan sistem pendidikan secara keseluruhannya.

Menurut Awang Had Salleh (1999), guru berkesan antara lainnya berperawakan guru, menghayati dan menganut nilai-nilai keguruhan, berkesan sebagai pengurus, cekap dalam pedagogi dan metodologi dan mempunyai daya inisiatif menguasai atau mengatasi keadaan. Guru jenis ini jugalah yang mempunyai nama indah seperti guru profesional iaitu guru berilmu, berkemahiran, berketrampilan dan mempunyai sahsiah yang boleh menjadi teladan kepada golongan yang dipimpin. (Abdul Shukor Abdullah, 1999)

Tidak dinafikan bahawa ciri di atas adalah merupakan ciri yang boleh dipersetujui oleh semua pihak, tetapi peranan guru dari pespektif Islam bukanlah sekadar itu tetapi sebagai pewaris tugas Ar Rasul s.a.w. dengan segala ciri kemanusiaannya (Abdul Ghani Shamsudin & Norhashimi Saad, 1999). Sebagai pewaris Ar Rasul s.a.w. guru hendaklah memiliki kefahaman dan tasawwur Islam yang betul dan tepat (Ahmad Mohamad Said, 1998). Kebimbangan tentang konsep profesional atau berkesan yang dibebaskan dari nilai-nilai agama ini mempunyai asas yang kuat kerana menurut Mohd Kamal Hassan (1988) konsep seperti itu boleh menjadi alat untuk mencapai tujuan-tujuan yang baik dan yang tidak baik. Jadi menurut Mohd Kamal Hassan (1988) lagi, dari kaca mata Islam terdapat tuntutan profesional yang sah dan wajar dipenuhi kerana tidak bertentangan dengan ajaran agama tetapi terdapat juga tuntutan profesional yang tidak sah dan tidak wajar dipenuhi seperti penjenayah, penipu, pembuat fitnah dan sebagainya. Ini bermakna sebagai seorang guru, dalam usaha untuk mencapai kecemerlangan akademik murid-muridnya adalah tidak wajar mengajar cara-cara menipu dalam peperiksaan.

Menurut Saedah Siraj, Shahril @ Charil Marzuki, Zainun Ishak dan Lee Pau Wing (1994), tugas utama guru ialah menyampaikan ilmu kepada murid-muridnya. Guru juga berperanan memperkembangkan kemahiran dan membentuk akhlak murid. Selain daripada itu guru juga berperanan sebagai perancang, pengurus, fasilitator, pembimbing dan sebagai contoh teladan. Berdasarkan pendapat ini maka peranan guru boleh dibahagikan kepada penyampai ilmu, pembimbing murid dan menjadi contoh teladan. Ternyata ketiga-tiga peranan ini membataskan lingkungan pengaruh guru kepada kawasan sekolah sahaja.

Sedangkan menurut perspektif Islam, peranan guru selain daripada yang disebutkan di atas tetapi juga berperanan besar dalam masyarakat (Abdul Ghafar Sareh, 1991). Menurut Abdul Halim El-Muhammady (1989), guru seharusnya berperanan menyimpan dan meningkatkan ilmu, menyuburkan ilmu dan akhirnya mengembang dan menyampaikan ilmu dalam masyarakat. Persoalan guru menjadi contoh teladan menjadi lebih kukuh dengan peranan ini kerana guru juga harus menunjukkan keperibadian mulia bila berada dalam masyarakat. Tidak timbul masalah personaliti yang berbeza bagi guru menurut perspektif Islam. Guru yang baik dan mempunyai keperibadian mulia semasa di sekolah seharusnya juga seorang insan yang baik dalam masyarakatnya. Islam melihat Rasulullah s.a.w. adalah pendidik atau guru pertama di dalam sejarah Islam dan yang harus diteladani (Muhammad Al-Aroosi, 1990).

Pelaksanaan Islamisasi Ilmu Di Malaysia

Pelaksanaan islamisasi ilmu di Malaysia tidak dapat tidak akan menghadapi banyak cabaran yang besar. Tambahan pula dengan keadaan masyarakat majmuk yang berbilang budaya dan agama. Cabaran pertama dijangka datang dari sekelompok kecil dalam masyarakat yang berbeza budaya yang berpandangan bahawa apa saja usaha yang bukan datang dari kelompok mereka perlu diawasi kerana ia mungkin cubaan untuk menggugat budaya, kepercayaan dan nilai masyarakat mereka. Cabaran seterusnya mungkin datang dari sekelompok masyarakat Islam sendiri yang sukar mempercayai dan menerima sesuatu yang atas nama Islam (Mohd Kamal Hassan, 1988). Pada kaca mata mereka, apa sahaja yang datang atas nama Islam adalah kemunduran dan ketidakcekapan. Kebimbangan ini bukanlah tidak berasas kerana pada masa ini umat Islam memang berada dalam keadaan yang amat menyedihkan, mundur dan tidak berupaya menguasai ilmu pengetahuan moden.

Wan Mohd. Nor Wan Daud (1991a) menyenaraikan tiga komponen utama dalam masyarakat negara ini yang perlu dijelaskan agar memahami dan mendokong konsep budaya ilmu, jika konsep budaya ilmu ingin dilaksanakan di negara ini. Tiga komponen itu jugalah yang akan menjadi tunggak dalam menentukan kejayaan perlaksanaan islamisasi ilmu. Tiga komponen itu ialah, kelompok pentadbir dan politik, guru dan pendidik, dan kumpulan ibu bapa.

Kelompok pentadbir dan politik memainkan peranan yang amat penting kerana mereka mampu mencorakkan iklim budaya dan pembangunan bangsa. Umumnya masyarakat massa banyak bergantung kepada tindak-tanduk golongan

ini dan implikasinya bukan sedikit sama ada mereka mendokong atau tidak islamisasi ilmu. Pengaruh kelompok guru atau pendidik kepada murid-murid tidak dinafikan kerana selain dari ibu bapa, guru adalah golongan yang paling hampir dengan mereka. Di samping itu, guru juga banyak membantu mencorakkan masa depan murid. Dengan dokongan dari guru maka diharapkan akan diperoleh dokongan dari murid terhadap islamisasi ilmu. Kumpulan ketiga, iaitu ibu dan bapa tidak kurang pentingnya tetapi kini dilihat semakin kurang berperanan dalam dunia yang serba mencabar. Peranan ibu bapa dalam mendidik anak-anak telah banyak diambil oleh pihak lain khususnya negara dengan agensi-agensinya. Oleh itu, peranan ibu bapa ini perlu dikembalikan kepada asalnya, iaitu sebagai pendidik kepada anak-anak. Merekalah yang seharusnya lebih mencorakkan masa depan anak-anak mereka.